

PTPTN lanjut perkhidmatan hotline, kaunter pusat sehenti

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melanjutkan waktu operasi bagi perkhidmatan hotline dan kaunter pusat sehenti di KL Sentral, Kuala Lumpur.

PTPTN dalam satu kenyataan di sini memberitahu, perkhidmatan hotline di talian 03-20804455 juga dilanjutkan sehingga pukul 10 malam.

"Berikutan pelanjutan waktu perkhidmatan ini, orang ramai dinasihat mengelakkan daripada membuat panggilan pada waktu puncak iaitu pukul 11 pagi sehingga 2 petang dan 4 petang hingga 5 petang setiap hari.

"Mulai 8 Oktober pula, perkhidmatan kaunter pusat sehenti PTPTN di KL Sentral juga akan dibuka pada setiap Sabtu dan Ahad bermula 9 pagi sehingga 12 tengah hari," menurut kenyataan itu.

Orang ramai boleh hadir ke kaunter berkenaan untuk urusan pembiayaan pendidikan, bayaran balik dan penguatkuasaan serta Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

"PTPTN ingin menasihatkan orang ramai supaya membuat semakan melalui laman web PTPTN di www.ptptn.gov.my terlebih dahulu sebelum menghubungi hotline.

"Langkah itu akan dapat memendekkan masa interaksi dan mengurangkan kesesakantalian," ujarinya.